

# PUNCAK GEMILANG PKK



## PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN PERINGKAT KEBANGSAAN 2007



**JUARA KAWAD KAKI  
SARAWAK**



**JUARA HANTARAN  
JAUH BERHALANGAN  
SELANGOR**



**JUARA RTA  
WP LABUAN**



**JUARA TABLE-TOP  
SELANGOR**



**JUARA  
MENYELAMAT DI AIR  
SARAWAK**



**JUARA MENYELAMAT  
MENURUNKAN MANGSA  
PAHANG**

# SELANGOR TERSERLAH DALAM 'TABLE TOP'





'If you fail to plan, you plans to fail..' merupakan ungkapan yang sering digunakan apabila seseorang atau sesebuah organisasi itu mengalami kegagalan. Apakah ungkapan ini benar atau sebaliknya? Sesetengah orang berpendapat bahawa aspek perancangan sahaja tidak memadai kerana faktor-faktor lain seperti sumber dan guna tenaga juga perlu diambilkira apabila melaksanakan sesuatu program atau projek. Projek atau program sebenarnya tidak pernah gagal tetapi manusia yang sering gagal melaksanakan tugas atau kerja berdasarkan objektif yang ditetapkan. Sindiket Perancangan dan Strategi Taktik Operasi' merupakan acara 'kerahan minda' yang terkenal dalam Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan. Ini disebabkan semua kontinjen dikerahkan untuk memerah minda bagi menyelesaikan sesuatu kes atau insiden yang diwujudkan melalui simulasi di dalam acara ini. Antara kunci utama kejayaan sesebuah kontinjen dalam acara ini adalah kepimpinan, komunikasi, koordinasi, kepercayaan dan disiplin yang diamalkan oleh anggota pasukan semasa menangani kejadian berlandaskan Prosedur Operasi Seragam (Standard Operating Procedure) Jabatan dan konsep 'Incident Command System'. Dalam acara ini, kontinjen Selangor telah berjaya menunjukkan kehebatan dan penguasaan unggul kerana muncul sebagai Johan dalam Acara Table Top. Manakala Naib Johan dan Tempat Ketiga telah dimenangi oleh Kontinjen Terengganu dan Kontinjen W.P. Labuan.

## Keputusan Rasmi Acara Sindiket Perancangan Dan Strategi Taktik Operasi 2007

NEGERI	KEPUTUSAN
SELANGOR	PERTAMA
TERENGGANU	KEDUA
LABUAN	KETIGA
SARAWAK	KE - 4
PAHANG	KE - 5
KELANTAN	KE - 6
WPKL	KE - 7
JOHOR	KE - 8
MELAKA	KE - 9
N.SEMBILAN	KE - 10
PERLIS	KE - 11
P.PINANG	KE - 12
PERAK	KE - 13
SABAH	KE - 14
KEDAH	KE - 15

# Road Traffic Accident Beralih ke Labuan



## Keputusan Rasmi Acara Kawad Operasi Kemalangan Jalan Raya 2007

NEGERI	KEPUTUSAN
LABUAN	PERTAMA
SELANGOR	KEDUA
PERAK	KETIGA
WPKL	KE - 4
KELANTAN	KE - 5
SARAWAK	KE - 6
PAHANG	KE - 7
N.SEMBILAN	KE - 8
JOHOR	KE - 9
PERLIS	KE - 10
MELAKA	KE - 11
P.PINANG	KE - 12
TERENGGANU	KE - 13
KEDAH	KE - 14
SABAH	KE - 15

Cuaca yang panas diselangi hujan tidak pernah melunturkan semangat kontinjen untuk bersaing dalam pertandingan. Kecekapan, kemahiran dan kepakaran mengikut kemampuan masing-masing dan sentiasa memberikan saingan yang cukup sengit dan hebat. Faktor nasib atau kebetulan bukan lagi satu isu besar dalam acara ini, sebaliknya latihan kemahiran dan disiplin merupakan faktor yang banyak mempengaruhi kejayaan pasukan dalam acara ini. Faktor inilah yang menjadi kunci kejayaan bagi pasukan Negeri W.P Labuan di mana telah dinobatkan sebagai juara Kawad Operasi Penyelamatan Jalan Raya 2007. Naib johan jatuh kepada Negeri Selangor manakala tempat ketiga jatuh kepada Negeri Perak. Hasil daripada pemerhatian Wasit, pertandingan pada tahun ini menampilkan pasukan yang lebih mantap dan lebih bersedia walaupun masih terdapat kelemahan yang perlu diperbaiki. Beliau juga mengucapkan tahniah kepada pihak Akademi kerana telah berjaya menganjur dan mengendalikan persiapan pertandingan ini dengan baik dan lancar. Kesanggupan Akademi menyediakan kelengkapan pertandingan seperti 3 buah kenderaan bagi setiap pasukan menggambarkan kesungguhan Akademi untuk menyediakan fasiliti yang terbaik untuk pertandingan ini.

# Hantaran Jauh Milik Selangor



## Keputusan Rasmi Acara Kawad Operasi Hantaran Jauh Berhalangan 2007

NEGERI	KEPUTUSAN
SELANGOR	<b>PERTAMA</b>
KELANTAN	<b>KEDUA</b>
N.SEMBILAN	<b>KETIGA</b>
SARAWAK	<b>KE - 4</b>
P.PINANG	<b>KE - 5</b>
WPKL	<b>KE - 6</b>
PAHANG	<b>KE - 7</b>
KEDAH	<b>KE - 8</b>
MELAKA	<b>KE - 9</b>
PERAK	<b>KE - 10</b>
SABAH	<b>KE - 11</b>
PERLIS	<b>KE - 12</b>
JOHOR	<b>KE - 13</b>
LABUAN	<b>KE - 14</b>
TERENGGANU	<b>KE - 15</b>

# Kenyalang Terbang Tinggi Johan Menyelamat di Air



## Keputusan Rasmi Acara Kawad Operasi Menyelamat Di Air 2007

NEGERI	KEPUTUSAN
SARAWAK	<b>PERTAMA</b>
TERENGGANU	<b>KEDUA</b>
JOHOR	<b>KETIGA</b>
SABAH	<b>KE - 4</b>
N.SEMBILAN	<b>KE - 5</b>
KELANTAN	<b>KE - 6</b>
SELANGOR	<b>KE - 7</b>
PERLIS	<b>KE - 8</b>
P.PINANG	<b>KE - 9</b>
MELAKA	<b>KE - 10</b>
PERAK	<b>KE - 11</b>
PAHANG	<b>KE - 12</b>
KEDAH	<b>KE - 13</b>
WPKL	<b>KE - 14</b>
LABUAN	<b>KE - 15</b>

Bahang persaingan yang sengit semakin ketara di kalangan kontinjen-kontinjen negeri. Setiap pasukan mengkaji semula strategi untuk mengurangkan kesilapan semasa operasi. Ini disebabkan wujud tekanan yang hebat di kalangan anggota untuk melaksanakan tugas yang terbaik bagi pasukan masing-masing. Pengalaman mengajar kita untuk terus maju. Berdasarkan persembahan kontinjen lain di peringkat awal, sebahagian besar masalah anggota adalah kegagalan untuk bersikap tenang melakukan kerja dalam suasana tertekan dan tumpuan atau fokus kepada tindakan serta gerak kerja yang dilaksanakan. Anggota Bomba dalam situasi sebenar operasi perlu bersikap tenang dan teliti walaupun diberi tekanan dari segi masa, menerima gangguan masyarakat dan melakukan kesilapan teknikal kecil dalam operasi.

Pahang memulakan acara pada hari kedua pertandingan, manakala Negeri Sarawak menutup tirai pertandingan. Selangor dinobatkan sebagai juara setelah menewaskan Kelantan dengan hanya perbezaan 3 saat dengan catatan masa 6 minit 25 saat. Negeri Sembilan terpaksa berpuashati dengan hanya mendapat tempat ketiga dengan masa 6 minit 36 saat.

Hasil pemerhatian wasit pertandingan, peserta perlu mempertingkatkan latihan. Beliau juga mengucapkan syabas dan tahniah bukan hanya kepada pemenang malah kepada semua peserta di atas kerjasama dan disiplin tinggi yang ditunjukkan.

Tasik Puteri kembali kesepian, balik kepada asalnya tiada lagi keriuhan dan pekikan anggota bomba, ikan-ikan di air kembali ke habitat dan kini deru angin bersiulan seperti biasa setelah dua hari berturut-turut diharu bingarkan oleh deruan dan gauman injin motor boat para kontinjen memperlihatkan aksi-aksi yang mencemaskan. Insiden Tasik Puteri tidak menjejaskan prestasi dan kesungguhan kontinjen-kontinjen negeri bersaing untuk merebut kejuaraan acara kawad menyelamat di air. Ini adalah kerana kontinjen kini lebih waspada tentang keselamatan walaupun matlamat utama pasukan adalah merangkul kejuaraan. Kombinasi pengalaman dan kemahiran bagi pasukan telah dapat meningkatkan lagi persembahan kontinjen negeri. Pasukan negeri Sarawak berjaya merangkul kejuaraan setelah menewaskan pasukan negeri Terengganu. Jika diimbaz kembali, pada tahun 2006, Sarawak hanya terpaksa berpuas hati di tempat kedua dan tahun 2007 pasukan negeri Sarawak melakarkan kejayaannya. Ini adalah hasil daripada latihan dan sentiasa bersedia melakukan perubahan berdasarkan pengalaman yang lalu. Pertandingan ini diadili oleh PgB Syufa'at Bin Kamaron manakala dipantau oleh PPjB Abdul Wahab bin Mat Yasin yang bertindak sebagai Wasit. Sebelum pertandingan ini menutup tirai, PPjB Abdul Wahab sempat memberikan ulasan berdasarkan persembahan peserta. Antara lain beliau menekankan mengenai keselamatan diver. Tambah beliau segala tindakan yang dilakukan hendaklah mengikut prosedur yang betul selain daya ketahanan fizikal dan mental. Acara Kawad Operasi Menyelamat di air turut diserikan dengan kehadiran YB. Dato' Hj. Din B. Adam merangkap ADUN Bukit Besi.

# " Kerjaya Mencabar, Kerahmatan Dipohoni "



Ramai orang memberikan gambaran bahawa orang Islam yang baik dan taat, adalah mereka yang banyak melakukan solat sunat, doa-doa, zikir-zikir dan lain-lain. Jarang orang mengaitkan kerjaya dan kuat bekerja sebagai ibadah apatah lagi kerjaya sebagai Anggota Bomba. Islam adalah agama yang sangat menjunjung tinggi kerja, amal soleh. Kerja adalah bahagian penting dari ibadah. Justeru inisiatif pihak pengurusan tertinggi Jabatan untuk mengadakan Forum Perdana Hal Ehwal Islam yang bertajuk " **Kerjaya Mencabar, Kerahmatan Dipohoni**" adalah satu langkah yang positif Jabatan. Forum Perdana yang diadakan sempena pertandingan kawad kecekapan ini telah dirasmikan oleh YAS Dato' Wan Mohd Nor Bin Hj. Ibrahim merangkap Pengerusi Induk PKK 2007.

Forum Perdana yang dipengerusikan oleh YBhg. Ustaz Jamizan Bin Deraman dengan menampilkan 3 orang ahli panel yang tidak asing lagi iaitu YBhg. Ustaz Mohd Fauzi Bin Mustapha, YBhg. Ustaz Rahimi Bin Saad dan YBhg. Prof. Madya Azam Bin Hamzah. Forum yang diadakan di Auditorium Akademi Bomba Dan Penyelamat Malaysia Wakaf Tapai dihadiri oleh lebih 1000 orang yang terdiri dari anggota kontinjen serta pelatih-pelatih ABPMWT



# Pahang Menguasai Kawad Tangga



Keputusan Rasmi Acara Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa 2007

NEGERI	KEPUTUSAN
PAHANG	<b>PERTAMA</b>
LABUAN	<b>KEDUA</b>
WPKL	<b>KETIGA</b>
SELANGOR	<b>KE - 4</b>
P.PINANG	<b>KE - 5</b>
PERAK	<b>KE - 6</b>
KEDAH	<b>KE - 7</b>
KELANTAN	<b>KE - 8</b>
TERENGGANU	<b>KE - 9</b>
PERLIS	<b>KE - 10</b>
SARAWAK	<b>KE - 11</b>
JOHOR	<b>KE - 12</b>
N.SEMBILAN	<b>KE - 13</b>
MELAKA	<b>KE - 14</b>
SABAH	<b>KE - 15</b>

Pahang mengulangi pencapaian tahun 2004 dengan merangkul gelaran juara bagi acara Kawad Operasi Menyelamat Menurunkan Mangsa 2007 dengan mencatatkan masa terpanjang 2 minit 42.03 saat, tempat kedua yang merupakan pemenang tempat ketiga tahun lalu dimenangi oleh Wilayah Persekutuan Labuan dengan catatan masa 2 minit 42.19 saat. Manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, yang juga juara tahun lalu hanya sekadar berpuas hati ditempat ketiga. Bagi Ketua Kontinjen Negeri Pahang, PKPgB Khairul Hasni bin Mokhtar, beliau menyatakan bahawa latihan yang sistematik dan berterusan merupakan faktor kemenangan mereka disamping sentiasa mengkaji dan meneliti setiap kesilapan yang dilakukan semasa latihan. Tambah beliau lagi pasukan ini telah menjalani latihan secara intensif sejak tiga minggu sebelum hari pertandingan bermula. Pertandingan kali ini telah mencipta sedikit kejutan di mana acara ini dapat ditamatkan lebih awal dari yang dijangkakan dengan kesemua 15 pasukan dapat menyelesaikan persembahan hanya dalam tempoh satu hari sahaja. Hasil dari komitmen, kerjasama, serta sokongan oleh semua yang terlibat maka acara ini dapat dilangsungkan dengan begiti lancar dan baik sekali.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh PPjB Saadon Bin Mokhtar yang juga bertindak sebagai Wasit Pertandingan manakala PgB Mohamad Azmi Bin Ismail bertindak sebagai ketua pengadil.

*Pakai BA tangga dijulang,  
Naik tangga topang menghadang,  
Tuan-tuan orang yang terbilang,  
Dari kalangan mereka yang terbilang.  
(pantun dari ketua pengadil)*

# CORETAN KETUA EDITOR



*H*ari keempat PKK 2007 semakin rancak dan mendebarakan semua pasukan. Sorakan dan tepukan gemuruh penyokong pasukan kedengaran sangat jelas apabila kejutan demi kejutan berlaku dalam keputusan acara-acara yang dipertandingkan. Kontinjen Sarawak memulakan kejutan menjadi juara dalam Acara Kawad Kaki manakala Kontinjen Pahang pula merampas kejuaraan dalam Acara Menyelamat Menurunkan Mangsa. Kesungguhan setiap pasukan untuk bersaing dengan hebat amatlah membanggakan namun keghairahan untuk mencatatkan masa yang terbaik boleh mengundang kecelakaan atau kecederaan pada bila-bila masa di mana sahaja. Insiden SCUBA Tasik Puteri, Bukit Besi memberikan pengajaran bermakna kepada semua pihak agar mengutamakan keselamatan anggota bomba yang terlibat. Dalam hal ini, ketua kontinjen mestilah lebih proaktif untuk memantau keadaan fizikal dan psikologikal anggota-anggota pasukan dari semasa ke semasa dan memastikan setiap anggota benar-benar cerdas serta bersedia untuk bertanding dalam acara berkenaan. Ini akan mengurangkan risiko kecelakaan dan perkara-perkara yang tidak diingini berlaku dalam operasi kebombaanan. Polisi jabatan kita juga jelas menekankan bahawa aspek keselamatan anggota dan pegawai bomba merupakan prioriti utama yang kritikal dalam sebarang operasi kebombaanan dan penyelamatan seperti yang digariskan dalam *Standard Operating Procedures (SOP)*. Kita amat bangga dengan semangat juang, komitmen, semangat kerja berpasukan dan kehebatan luarbiasa yang ditunjukkan oleh anggota-anggota bomba. Namun pada masa yang sama, kita tidak boleh bertolak ansur atau terleka dan cuai tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan risiko dan bahaya keselamatan anggota bomba dalam pelaksanaan tugas operasi kebombaanan dan penyelamatan. Jabatan juga kita begitu komited dan sentiasa mengutamakan keselamatan dan kesejahteraan pegawai dan anggota-anggota bomba yang terlibat...

### WAKTU SOLAT DAERAH MARANG, TERENGGANU 27 Julai 2007 (Jumaat) / 12 Rejab 1428H

*"Dan dirikanlah olehmu solat, kerana sesungguhnya solat itu dapat mencegah dari (perbuatan-perbuatan) keji dan mungkar"*  
(Al Ankabut : 45)

Subuh	Syuruk	Zohor	Asar	Magrib	Isyak'
5.42	7.03	1.16	4.38	7.26	8.40

#### Mutiara Kata

"Jika anda berhasrat untuk berjaya, jangan hanya memandang ke tangga tetapi belajarlah untuk menaiki tangga tersebut".

# SENYUM BOMBA

1)  
**KAWAD HANTARAN JAUH**

CEPATI CEPATI

2)

WOI!! MANA NOZEL NIE!  
CEPAT LA SIKIT!!

3)

ALAMAKI!  
SILAP BAWAK LA CIK.  
FIRE BEATER PULAKI!

ABIS LA.. CONFIRM KALAH PUNYA!

### MALAM SEBELUM PERTANDINGAN KAWAD KAKI

JUARA PERTANDINGAN KAWAD KAKI  
PADA TAHUN INI JATUH KEPADA  
KONTIJEN NEGERI SARAWAK.

INDA SANGKA BAH,  
BETUL-BETUL MIMPI SIA  
SEMALAM BOLEH JADI  
KENYATAAN. KALAU LAH  
AKU MIMPI SABAH  
SEMALAM...

SABARLAH BAH...  
TAHUN DAPAN KITA CUBA LAGI  
DAH REZEKI DIORANG...

## Makluman

Majlis Makan Malam  
Sempena Penutupan PKK 2007  
Tarikh: 28 Julai 2007  
Masa: 8.00 malam  
Tempat: Padang Kawad, ABPMWT  
Pakaian: Batik

## Sidang Redaksi

**Penaung**  
PPJB Nordin bin Pauzi

**Penasihat**  
PgKB Norazam bin Khamis

**Ketua Editor**  
PGB Jupiri@Jupirik bin Apou

**Editor**  
PPGB Mohd Sabri bin Ismail  
PBIII Thoyyibah binti Taib  
PB Mohd Azam bin Mohd Noor

**Reka Bentuk Grafik**  
PB III Thoyyibah binti Taib  
PB Mohd Azam bin Mohd Noor

**Fotografi**  
PB Raja Arisan Sahseni  
PB Rassyidee bin Che Bebakar,  
PB Hairul Nizam bin Mohd Noh  
PB Mohd Hazri bin Abdul Manan  
PB Norashid bin Mamat  
PB Zulkarnaim bin Abd. Karim

**Pembantu Sidang Redaksi :**  
Pelatih Siri 1&2/2007



Rindu, rindu.. hatiku rindu... Ishh!! Ni yg buat aku rasa nak nangis ni...



Awat la depa ni ganas sgt! Abih lingkup tangga aku!



Aduhaii... Bila la nak tukar kereta baru ni. Yg lama tu pun dah layak masuk list RTA. Nasib baik gaji naik 25%.



Hang toh sah nak perasan laa.. Muka hang ke muka aku tu. Tgk betui2 sikit...

Haa.. tengok!! Muka gua masuk buletin. Org handsome la katakan..

**PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN 2007**

Amboi... Kawe raso lega sikit dpt rehat. Mcm nk patah pinggang kawe raso..



Ehem, ehem... Amboi! Relax nampak sedara! Nanti bagi penalti baru tau!

Sekali sembur, saya caj RM 1. 2X sembur kira harga adik beradik RM1.50 sudahlah!



Innalillah... Aik?! Hidup lagi rupanya... Ingatkan dah Al-marhum tadi...

Takpe la bang! Gaji tak masuk lagi.



Apa la korang ni! Aku hidup lagi laa...



**BULETIN** **PERTANDINGAN KAWAD KECEKAPAN OPERASI KEBOMBAAN JBPM 2007**

AKADEMI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

Bil. 4 ( 27 Julai 2007 )

# TQ YANG BERHORMAT..

Suasana pertandingan diserikan lagi dengan kehadiran YB Dato' Hj Din bin. Adam yang sudi meluangkan masa untuk bersama peserta-peserta pertandingan dan seterusnya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada pemenang. Kehadiran YB Dato' Hj. Din bin. Adam telah menyemarakkan lagi semangat semua anggota kontinjen-kontinjen negeri untuk terus meningkatkan prestasi pasukan dan kesungguhan mereka di dalam acara PKK 2007 yang dipertandingkan. YB Dato' ternyata seorang pemimpin yang terpuji kerana beliau begitu prihatin dengan pelaksanaan pertandingan di mana beliau turut memantau keseluruhan aktiviti dalam pertandingan Kawad Menyelamat di Air di lokasi pertandingan.

Menurut beliau, Pertandingan Kawad Kecekapan Operasi Kebombaan 2007 telah berjaya mempromosikan Tasik Puteri sebagai salah satu pusat daya tarikan pelancongan bagi para pelancong tempatan dan luar Negara yang datang ke Negeri Terengganu. Pihak jabatan amat berbangga dan berterima kasih kepada YB Dato' Hj. Din bin. Adam atas segala sokongan dan bantuan yang diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri sepanjang pertandingan kawad ini dilaksanakan. Hubungan baik dan kerjasama yang erat di antara Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dengan pihak Kerajaan Negeri semakin mantap dan akan terus dipertingkatkan di dalam semua aspek pada masa depan.

